

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500  
Faks : 04-658 2500  
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPP(UKK)100 – 4/4 Jld. 32 (84)  
Tarikh : 7 September 2018 / 26 Zulhijjah 1439H

St. John Ambulans Malaysia  
Kawasan Timur Laut  
Negeri Pulau Pinang  
24-A, Jalan Grove  
11400 Pulau Pinang, Malaysia.  
(No. Tel: 04-8285972                          No. Faks: 04-8293334)

Tuan,

**PER: MEMOHON KEBENARAN UNTUK AHLI-AHLI ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG MENYERTAI PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA, KAWASAN TIMUR LAUT, NEGERI PULAU PINANG 2018**

Dengan hormatnya surat tuan adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tiada halangan** membenarkan pihak tuan menganjurkan pertandingan tersebut dan menjemput ahli-ahli St. John Ambulans Malaysia dari sekolah-sekolah di Pulau Pinang untuk menyertai pertandingan tersebut mengikut ketetapan berikut:

Pertandingan Ujian Bertulis	Pertandingan Praktikal Pertolongan Cemas (Kes Panjang)
<p><b>Tarikh : 01 Disember 2018 (Sabtu)</b> <b>Masa : 2.00 petang hingga 4.00 petang</b> <b>Tempat : Wisma St. John Ambulans Malaysia Pulau Pinang</b></p>	<p><b>Tarikh : 02 Disember 2018 (Ahad)</b> <b>Masa : 7.00 pagi hingga 2.00 petang</b> <b>Tempat : Wisma St. John Ambulans Malaysia Pulau Pinang</b></p>

3. Walau bagaimanapun, aspek kebijakan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2009, Bil. 5/2018 dan Bil. 7/1988 di antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Penglibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua dan Guru Besar sekolah terlibat
- 3.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan
- 3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan

**PER: MEMOHON KEBENARAN UNTUK AHLI-AHLI ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG MENYERTAI PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA, KAWASAN TIMUR LAUT, NEGERI PULAU PINANG 2018**

---

- 3.4 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjasakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka
- 3.5 Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru penasihat yang dilantik oleh pihak sekolah atau ibubapa/penjaga murid berkenaan
- 3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan
- 3.7 Kebajikan makan dan minum guru-guru dan murid-murid disediakan
- 3.8 Mendapatkan kebenaran Pengetua / Guru besar jika program atau aktiviti melibatkan hari Sabtu (minggu kedua dan keempat sahaja dibenarkan), Sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima (TIADA sebarang aktiviti, program dan mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan). Manakala pada hari Ahad (ADALAH TIDAK DIBENARKAN). Tertakluk kepada Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 07 Mac 2016 yang sedang berkuatkuasa
- 3.9 Surat kebenaran / kelulusan tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan
- 3.10 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa

4. Untuk makluman, pihak tuan tidak dibenarkan menggunakan logo dan lambang serta nama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam sebarang urusan termasuk 'banner' dan 'backdrop' tanpa kebenaran pihak KPM dan JPNPP.

5. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut tidak akan memberi implikasi kewangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru atau ibubapa/penjaga murid berkenaan. Pihak tuan juga dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan.

6. Kelulusan ini adalah hanya untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan tamat tempohnya pada 03 Disember 2018.

**PER: MEMOHON KEBENARAN UNTUK AHLI-AHLI ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG MENYERTAI PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA, KAWASAN TIMUR LAUT, NEGERI PULAU PINANG 2018**


---

Sekian , terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA"**

Saya yang menurut perintah,



**ISMAIL BIN MOHD SAID**

Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel : 04-6521194 / 04-6521195

No. Faks : 04-6521014

Emel : ismail.mohdsaid@jpnpp.edu.my

sk: 1. Fail UKK

HZK/nmn/KEBENARAN NGO 2018